

‘Rasionalisasi subsidi perlu dilaksanakan

PM tegaskan Malaysia wajar terus pemberian bantuan

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan subsidi memang wajar diteruskan walaupun Malaysia dianggap antara negara paling tinggi di dunia memberikan bantuan kewangan dalam bentuk demikian untuk membantu ekonomi rakyat.

Ketika memberi jaminan berkenaan, Perdana Menteri berkata, rasionalisasi subsidi bagaimanapun perlu dilaksanakan bagi memastikan tiada warga asing dan golongan berpendapatan tinggi menerima insentif ke-

wangan daripada kerajaan itu.

Memberi contoh caj rawatan di hospital kerajaan, beliau yang juga Menteri Kewangan, berkata subsidi perlu disusun supaya ia dimanfaatkan oleh golongan yang benar-benar layak.

“Kena kaji (subsidi), kalau nak terus bagi subsidi, yang 10 peratus (golongan T20) kita tak perlu bagi subsidi, macam hospital, caj rendah, percuma pun ada, tapi kita bagi pada semua. Salahkah golongan paling kaya kita kenakan bayaran lebih tinggi?”

“Saya cuba nak fikirkan bahawa kaedah subsidi ini kadangkala sampai tak munasabah, Malaysia dianggap antara negara paling tinggi pemberian subsidi di dunia,” katanya ketika berucap melancarkan Skim Perubatan MADANI dan Program MADANI Afiat Peringkat Kebangsaan 2023, di sini semalam.

Menurut Perdana Menteri, hasil penjimatan menerusi rasionalisasi subsidi boleh diguna-



Anwar bersama Merited Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dan DrZaliha melancarkan Skim Perubatan MADANI dan Program MADANIAfiat Peringkat Kebangsaan 2023, di Ipoh, semalam. (Foto BERNAMA)

kan untuk pelbagai tujuan serta bagi manfaat rakyat, termasuk untuk perbelanjaan kesihatan.

Sedia peruntukan terbesar.

“Kalau kita umpamanya perkenalkan satu sistem, naik sikit (harga) supaya kita kurang penggunaan gula dan hasilnya bila kita naik sikit, kita dapat RM1 bilion atau RM500 juta. Jumlah itu kerajaan jangan ambil, bagi kepada projek kesihatan dan rawatan pesakit diabetes.

“Jadi ibu bapa, saudara mara kita yang ada penyakit kencing manis, kena buat insulin, itu semua akan dibantu daripada wang ini, itu pendekatan kita,” katanya memaklumkan, Belanjawan MADANI 2024 yang akan dibentang minggu depan akan terus menyediakan peruntukan terbesar untuk sektor kesihatan

dan pendidikan.

Seperti Belanjawan 2023, Anwar berkata, kedua-dua sektor itu mendapat peruntukan terbesar berbanding kementerian lain dan perkara itu akan diteruskan, malah ia juga selaras dengan dasar Kerajaan Perpaduan yang memberi fokus utama kepada kemudahan kesihatan rakyat.

Katanya, fokus kerajaan bagi Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi Belanjawan 2024 ialah pembinaan klinik kesihatan serta klinik desa, selain mengatasi masalah kesesakan hospital kerajaan di seluruh negara.

“Saya nak tentukan dalam Belanjawan MADANI kedua, isu kesihatan, terutama klinik ini diberi keutamaan, termasuk hospital, kebanyakan hospital kita sesak. Ada orang kritik,

sejak jadi kerajaan, Anwar jadi Perdana Menteri, hospital sesak.

“Memang sesak bertahun-tahun, tetapi kerana tindakan itu tidak pantas dan peruntukan tidak cukup, maka sampailah masalah begitu rumit sehingga sekarang ini.

“Saya telah pastikan dan perbincangan dengan Jemaah Menteri dan juga pegawai di Kementerian Kewangan bahawa fokus kita (Belanjawan 2024) juga kekal mengenai kemudahan kesihatan. Jadi, kita akan uruskan dengan baik,” katanya..

Mengenai Skim Kesihatan MADANI, Perdana Menteri memaklumkan, ia adalah inisiatif penting Dasar Malaysia MADANI bagi menyediakan akses sama rata perkhidmatan kesihatan berkualiti kepada golongan B40.